

## PERSEPSI BELIA TERHADAP PARTI POLITIK DAN TAHAP PENGLIBATAN POLITIK DI SELANGOR

ABDUL HADI SAMSI, AMALUDIN AB. RAHMAN  
& KU HASNITA KU SAMSU

### ABSTRAK

*Artikel ini bertujuan untuk meneliti persepsi belia terhadap parti politik dan melihat sejauh mana tahap penglibatan politik belia di Selangor. Seramai 500 orang responden telah dipilih melalui kaedah pengiraan "Probability Proportional to Size" (PPS) Cluster Sampling dan maklumat dikumpulkan dengan menggunakan borang soal selidik yang telah diisi sendiri oleh responden. Ujian deskriptif diguna untuk melihat latar belakang responden, persepsi belia terhadap parti politik dan tahap penglibatan politik mereka. Manakala ANOVA digunakan bagi melihat perbezaan penglibatan belia dalam politik antara kaum di Selangor. Daripada sampel kajian seramai 236 orang (47.2%) lelaki dan 264 orang (52.8%) perempuan berumur lingkungan 21 hingga 40 tahun telah dikenal pasti bagi menjawab soalan kaji selidik. Hasil kajian mendapati persepsi belia terhadap parti politik berada pada tahap sederhana iaitu 62.0 % bagi Parti Barisan Nasional dan 70.6% bagi Pakatan Rakyat. Dapatan kajian juga memaparkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penglibatan belia dalam politik dengan kaum Melayu, Cina dan India ( $p > 0.05$ ). Kajian ini juga telah menunjukkan kerajaan yang baik dan cekap menyelesaikan masalah rakyat akan dipilih golongan belia kerana persepsi belia terhadap Parti Politik Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat berada pada tahap sederhana dan persepsi ini boleh berubah pada bila-bila masa. Manakala tahap penglibatan politik yang rendah ini perlu dipandang serius dan usaha berterusan perlu dijalankan bagi memupuk semangat untuk terlibat dalam politik oleh golongan belia.*

**Kata Kunci:** Persepsi, Parti Politik, Penglibatan Politik, Belia

### ABSTRACT

*This article is to investigate the youth's perception towards politics and to find out the rate of participation of youth in politics in Selangor. A total of 500 respondents were selected via the "Probability Proportional to Size" (PPS) Cluster Sampling calculating method and the data was obtained through questionnaires completed by the respondents. Descriptive test was used to obtain the respondent's background, their perception towards politics and also their rate of participation in politics. ANOVA is used to investigate the difference between races of youth's political participation in Selangor. Derived from the test sample, a number of 236 male (47.2%) and 264 female (52.8%) around 21 to 40 years old of age were selected to complete the questionnaire. The data obtained from this study revealed that the youth's participation in politics*

*was at a moderate level which is 62.0% for Barisan Nasional and 70.6% for Pakatan Rakyat. The study also shows that there are no significant difference in the youth's political participation between the Malay, Chinese and Indian race ( $p>0.05$ ). This study also revealed a good government that can solve the people's problem will be the one chosen by the youth as their perception towards political party Barisan Nasional and Pakatan Rakyat stands at an average level and this perception can change anytime. On the other hand, this low rate of participation in politics among the youth should be taken seriously and efforts should be made to encourage the participation of youths in politics.*

**Keywords:** *Perception, Political Parties, Political Participation, Youth*

## PENDAHULUAN

Golongan belia merupakan tunjang utama kepada kesinambungan pembangunan sesebuah negara. Setiap individu mempunyai falsafah, autonomi dan kebebasan budaya terutamanya dalam menentukan hala tuju masing-masing (Phillip, 2012). Begitu juga dalam penglibatan politik, setiap individu mempunyai hak untuk terlibat atau tidak. Walau bagaimanapun setiap rakyat perlu mempunyai rasa tanggungjawab dalam menentukan pentadbiran sesebuah negara.

Kebanyakannya golongan muda lebih cenderung untuk memberikan tumpuan kepada pelajaran dan pekerjaan bagi membina kehidupan yang lebih baik (Ahmad Atory, 2012). Tetapi semenjak era reformasi pada September 1998 penglibatan golongan belia dalam politik semakin bertambah dan sudah mula membuka minda golongan muda untuk berkecimpung dalam arena politik tersebut. Sebagai contoh lebih ramai orang muda pada masa kini diangkat sebagai pemimpin seperti Yang Berhormat Khairy Jamaluddin (Barisan Nasional), Yang Berhormat Nurul Izzah Anwar (Parti Keadilan Rakyat), Yang Berhormat Nasrudin Hassan (Pas) dan ramai lagi. Bagi golongan muda reformasi tersebut banyak membantu membuka minda mereka untuk mengubah hala tuju politik negara supaya lebih segar dengan berlandaskan keadilan, hak asasi dan demokrasi yang lebih matang dan terbuka (Bahagian Pembangunan Belia Selangor, 2012).

Perkembangan politik Malaysia yang semakin meluas telah membuka mata parti-parti politik untuk mendekati lagi parti dengan golongan muda. Golongan muda merupakan tunjang utama kepada kesinambungan sesuatu parti politik. Hubungan autoriti terutamanya dalam mewujudkan suasana yang harmoni antara rakyat dan kerajaan serta antara parti dengan ahli akan membawa kepada kejayaan dalam sesuatu pentadbiran tersebut, (Ecktein, 1966). Menurut Datuk Fuad Hassan, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), golongan belia adalah aset terpenting kepada kerajaan mahupun pembangkang terutamanya dalam memenangi Pilihan Raya Umum ke-13 kerana golongan ini mewakili 77.9 peratus daripada pengundi berdaftar. Oleh

sebab itu parti-parti yang bertanding perlu berusaha keras bagi memastikan golongan ini memberikan sokongan kepada parti mereka (Zulkifli & Kamil, 2012).

Secara keseluruhan kajian ini akan menentukan persepsi belia terhadap parti politik, tahap penglibatan belia dalam politik dan perbezaan tahap penglibatan politik berdasarkan kaum Melayu, Cina dan India. Dengan jumlah penduduk belia di Selangor seramai 2,163,792 orang yang diperoleh dari Jabatan Perangkaan Malaysia dapat digunakan terutamanya dalam mengenal pasti jumlah responden yang digunakan dalam kajian ini sekali gus menjawab kesemua objektif kajian.

## KAJIAN LITERATUR

Kajian literatur ini lebih memfokuskan kepada persepsi belia terhadap parti politik. Berdasarkan persepsi yang diperoleh daripada kajian-kajian lepas ini akan dapat memberikan serba sedikit maklumat berkaitan pola persepsi belia terhadap tampuk pemerintahan yang relevan dengan arus semasa.

Bagi kajian yang dilakukan terhadap 5200 orang pelajar di 20 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), belia mempersepsi bahawa parti politik yang mempunyai matlamat dan hala tuju yang jelas lebih dipilih untuk mentadbir dan menguruskan negara. Hasil kajian mendapati 54.6 peratus memilih Barisan Nasional (BN) untuk mentadbir negara manakala Pakatan Rakyat sebanyak 45.4 peratus (Mohd Fuad et al, 2009).

Kajian di Serawak berkaitan persepsi belia terhadap politik pada tahun 2011 juga menunjukkan bahawa 68.9 peratus golongan muda menyokong aspirasi kerajaan Barisan Nasional. Responden beranggapan dengan menyokong kerajaan, pembangunan belia akan dapat ditingkatkan dan dikembangkan seterusnya dapat memberi faedah kepada golongan belia (Mohd Fuad, et al, 2011).

Seterusnya kajian yang dijalankan terhadap 400 orang penjawat awam di setiap kementerian pula menunjukkan 81 peratus responden menyatakan keperibadian calon amat dititik beratkan. Amanah adalah ciri utama selain tegas, berdisiplin dan bertanggungjawab dalam urusan pentadbiran negara (Atory. et al, 2004).

Kredibiliti bagi sesebuah parti atau pemerintah juga merupakan tunjang utama dalam memastikan kemenangan sesebuah parti. Seperti yang berlaku pada pilihan raya ke-12 telah menunjukkan kejatuhan pemerintahan Barisan Nasional (BN) dengan kehilangan dua pertiga kerusi di parlimen, kejatuhan ini adalah disebabkan majoriti rakyat berpendapat, BN kurang sensitif terhadap keperluan dan kehendak rakyat di samping tidak cekap dalam menangani masalah yang berlaku dan ditambah dengan tanggapan rakyat bahawa BN merupakan parti yang korapsi, bongkak, mungkir janji serta pilih kasih menyebabkan BN tewas dan hilang majoriti kerusi dua pertiga di

parlimen dan mengekalkan pemerintahan di negeri-negeri yang merupakan kubu kuat parti tersebut seperti Selangor, Kedah, Pulau Pinang dan Kelantan (Worran et al, 2008).

Berdasarkan kajian-kajian lepas menunjukkan belia mempersepsi parti yang akan dipilih oleh mereka adalah parti politik mempunyai matlamat yang jelas serta cekap dalam urusan pentadbiran. Hasil kajian lepas juga menunjukkan Parti Politik Barisan Nasional dilihat lebih dominan berbanding Pakatan Rakyat untuk dipilih mentadbir negara pada masa akan datang. Walau bagaimanapun terdapat beberapa transformasi dan anjakan paradigma oleh setiap parti terutamanya Barisan Nasional bagi mengembalikan keyakinan rakyat terutamanya golongan muda yang merupakan pemangkin kepada kesinambungan pemerintahan negara.

Oleh yang demikian kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti persepsi belia terhadap parti politik terutamanya Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat. Selain daripada itu kajian ini juga memfokuskan kepada tahap penglibatan politik golongan sasar tersebut seterusnya mengenal pasti cara terbaik bagi meningkatkan tahap penglibatan politik belia terutamanya di Selangor.

## **METODOLOGI KAJIAN**

### **Lokasi Kajian**

Kajian dijalankan di Selangor yang mempunyai keluasan kira-kira 7,930.20 kilometer persegi. Terletak di tengah-tengah kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Negeri Selangor mempunyai 22 buah kawasan Parlimen dan 56 Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di samping mempunyai 9 buah daerah yang terdiri dari Kuala Selangor, Gombak, Sabak Bernam, Klang, Sepang, Hulu Langat, Kuala Langat, Petaling, Sepang dan juga Kuala Selangor. (Jabatan Penerangan Malaysia, 2012).

### **Pemilihan Sampel**

Sampel dipilih melalui kaedah pensampelan berkelompok (Cluster Sampling), yang mana bertujuan mencari responden belia di sekitar kawasan-kawasan daerah yang terdapat di Selangor yang berumur antara 21 hingga 40 tahun. Lingkungan umur tersebut dipilih kerana golongan tersebut terdiri daripada golongan belia di samping berdasarkan had umur untuk mengundi yang telah termaktub di dalam perlembagaan Malaysia (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2011). Bagi responden yang dipilih dipecahkan kepada bilangan tertentu dengan mengikut pengiraan "Probability Proportional to Size" (PPS). Kaedah ini digunakan adalah bagi memastikan jumlah responden yang dikehendaki seimbang dan juga tidak berat sebelah, kaedah ini juga mendapati pemilihan responden yang dibuat adalah lebih baik dan memudahkan pengkaji untuk mendapatkan responden mengikut kaedah PPS

tersebut (Yeo, t.thn). Setelah pengiraan dibuat dengan menggunakan setiap kluster 20 orang, maka jumlah responden bagi setiap daerah berbeza-beza. Daerah Petaling adalah paling ramai iaitu seramai 180 orang (9 kluster), diikuti Hulu Langat seramai 100 orang (5 kluster), Klang 80 orang (4 kluster), Gombak 60 orang (3 kluster), Kuala Langat, Kuala Selangor, Sepang dan Hulu Selangor 20 orang (1 Kluster) dan bagi Daerah Sabak Bernam, kajian tidak dijalankan kerana mempunyai responden kurang daripada kluster yang dikehendaki.

### **Analisis Data**

Berdasarkan kajian yang dijalankan kaedah penganalisis data Statistical Package for Social Science (SPSS) digunakan. Dalam kaedah SPSS ini, kajian menggunakan empat ujian statistik deskriptif. Statistik deskriptif dianalisis dalam bentuk frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai dan digunakan untuk menganalisis maklumat latar belakang responden, analisis persepsi belia terhadap parti politik dan analisis tahap penglibatan politik belia. Manakala ujian ANOVA digunakan untuk menganalisis perbezaan antara penglibatan politik berdasarkan kaum di Selangor.

## **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

### **Maklumat Latar Belakang Responden**

Seramai 500 orang responden terdiri daripada belia berusia 21 tahun sehingga 40 tahun di Selangor telah dipilih secara rawak. Daripada jumlah responden, 236 orang (47.2%) lelaki dan 264 orang (52.8%) perempuan. Daripada segi pecahan umur, responden yang berusia 21 tahun hingga 24 tahun adalah 207 orang (41.4%), 25 tahun hingga 29 tahun seramai 167 orang (33.4%), 30 tahun hingga 34 tahun seramai 66 orang (13.2%) dan 35 hingga 40 tahun seramai 60 orang (12.0%).

Bagi kategori bangsa, Melayu seramai 300 orang (60.0%), Cina 150 orang (30.0%) dan India 50 orang (10.0%). Manakala bagi agama pula, responden yang beragama Islam seramai 305 orang (61.0%), Buddha 118 orang (23.6%), Hindu 42 orang (8.4%) dan Kristian seramai 35 orang (7.0%).

Daripada segi taraf pendidikan, responden yang mempunyai kelayakan SRP atau PMR adalah seramai 4 orang (0.8%), SPM seramai 198 orang (39.6%), Diploma atau STPM seramai 141 orang (28.2%), Sarjana Muda 146 orang (29.2%) dan bagi mereka yang mempunyai pendidikan Sarjana dan ke atas seramai 11 orang (2.2%). Pekerjaan responden yang terlibat pula, mereka yang terlibat dalam sektor kerajaan adalah seramai 61 orang (12.2%), sektor swasta seramai 202 orang (40.4%), bekerja sendiri seramai 71 orang (14.2%), pelajar seramai 112 orang (22.4%), suri rumah tangga 33 orang (6.6 peratus) dan tidak bekerja seramai 21 orang (4.2%).

**Jadual 1: Ciri-ciri Demografi Responden (n = 500)**

<b>Pemboleh ubah</b>	<b>n</b>	<b>%</b>
<b>Jantina</b>		
Lelaki	236	47.2
Perempuan	264	52.8
<b>Umur</b>		
21 tahun – 24 tahun	207	41.4
25 tahun – 29 tahun	167	33.4
30 tahun – 34 tahun	66	13.2
35 tahun – 40 tahun	60	12.0
<b>Bangsa</b>		
Melayu	300	60.0
Cina	150	30.0
India	50	10.0
<b>Agama</b>		
Islam	305	61.0
Buddha	118	23.6
Hindu	42	8.4
Kristian	35	7.0
<b>Taraf Pendidikan Tertinggi</b>		
SRP/PMR	4	0.8
Sijil Pelajaran Malaysia	198	39.6
Diploma/STPM	141	28.2
Sarjana Muda	146	29.2
Sarjana dan ke atas	11	2.2
<b>Pekerjaan</b>		
Penjawat Awam	61	12.2
Pekerjaan Swasta	202	40.4
Kerja Sendiri	71	14.2
Pelajar	112	22.4
Suri Rumah	33	6.6
Tidak Bekerja	21	4.2

### **Persepsi Belia Terhadap Pengaruh Kepimpinan Parti Politik**

Hasil kajian bagi persepsi belia terhadap pengaruh kepimpinan Barisan Nasional menunjukkan majoriti responden 310 orang (62.0 %) mempunyai persepsi sederhana terhadap kepimpinan Barisan Nasional. Manakala 120 orang (24%) responden menunjukkan persepsi tinggi dan 70 orang (14.2 peratus responden mempunyai persepsi yang rendah terhadap kepimpinan Barisan Nasional.

Manakala persepsi belia terhadap pengaruh kepimpinan Pakatan Rakyat menunjukkan majoriti responden 355 orang (71 %) mempunyai persepsi sederhana terhadap pengaruh kepimpinan Pakatan Rakyat. Manakala 70 orang (14%) responden mempunyai persepsi tinggi dan 75 orang (15%) responden mempunyai persepsi yang rendah terhadap kepimpinan Pakatan Rakyat. Hasil keseluruhan kajian boleh dilihat pada Jadual 2.

**Jadual 2: Persepsi Belia Terhadap Kepimpinan Parti Politik (n=500)**

<b>Pemboleh ubah</b>	<b>n</b>	<b>%</b>
<b>Persepsi Belia Terhadap Kepimpinan Barisan Nasional</b>		
Tinggi	120	24
Sederhana	310	62
Rendah	70	14
<b>Persepsi Belia Terhadap Kepimpinan Pakatan Rakyat</b>		
Tinggi	70	14
Sederhana	355	71
Rendah	75	15

### **Penglibatan Politik Belia Selangor**

Jadual 3 menunjukkan penglibatan politik belia di Selangor. Daripada 10 item, pernyataan bagi responden yang akan mengundi pada pilihan raya pada masa akan datang menunjukkan paling tinggi, iaitu seramai 391 orang (78.2%), manakala responden yang sudah mendaftar sebagai pengundi adalah seramai 307 orang (61.4%).

Responden yang pernah membantu parti-parti politik sebagai peraih undi seramai 266 orang (53.2%), bagi yang pernah menghadiri jamuan makan malam yang dianjurkan oleh parti-parti politik pula seramai 155 orang (31%) diikuti responden yang pernah menghadiri ceramah-ceramah parti politik seramai 154 orang (30.8%) dan responden yang pernah menyertai perhimpunan berunsurkan politik terdapat seramai 107 orang (21.4%).

Terdapat juga penglibatan politik yang kurang disertai oleh responden iaitu kurang daripada 100 penyertaan antaranya responden yang sudah mendaftar sebagai ahli politik hanya 90 orang (18%), bagi kerja-kerja menggantung bendera parti politik pula hanya seramai 70 orang (14%) diikuti dengan responden yang pernah menyertai mesyuarat parti politik untuk membincangkan sesuatu perkara iaitu seramai 61 orang (12.2%). Penglibatan politik belia paling rendah di Selangor pernah menjadi ahli jawatankuasa untuk sesuatu majlis anjuran parti politik iaitu seramai 44 orang (8.8%). Hasil keseluruhan penglibatan politik belia di Selangor boleh dilihat pada Jadual 3.

**Jadual 3: Penglibatan Politik Belia Selangor (n=500)**


<b>Bil.</b>	<b>Variable</b>	<b>n</b>	<b>%</b>
1.	Saya sudah mendaftar sebagai pengundi	307	61.4
2.	Saya akan mengundi dalam pilihan raya akan datang	391	78.2
3.	Saya pernah meraih/menggalakkan orang lain untuk mengundi	266	53.2
4.	Saya pernah menyertai perhimpunan berunsurkan politik	107	21.4
5.	Saya pernah menghadiri jamuan makan malam anjuran parti politik	155	31.0
6.	Saya pernah menghadiri ceramah-ceramah politik	154	30.8
7.	Saya sudah mendaftar sebagai ahli dalam parti politik	90	18.0
8.	Saya pernah menjadi ahli jawatankuasa untuk sesuatu majlis anjuran parti politik	44	8.8
9.	Saya pernah melakukan kerja menggantung bendera parti politik	70	14.0
10.	Saya pernah menyertai mesyuarat parti politik untuk membincangkan sesuatu perkara	61	12.2

### **Tahap Penglibatan Belia Dalam Kegiatan Politik di Selangor**

Carta 1 menunjukkan taburan tahap penglibatan politik belia di Selangor. Hasil kajian mendapati majoriti responden (65.2%) mempunyai tahap penglibatan politik yang rendah. Manakala (23%) mempunyai tahap sederhana dan hanya sedikit sahaja (12.2%) responden yang bergiat aktif dalam penglibatan politik.



**Carta 1: Tahap Penglibatan Belia Dalam Kegiatan Politik di Selangor (N=500)**



**Perbezaan Penglibatan Politik Berdasarkan Kaum**

Jadual 4 menunjukkan perbezaan penglibatan politik berdasarkan kaum. Hasil kajian menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan dalam penglibatan politik di antara belia Melayu, Cina dan India dengan nilai  $F = 0.492$  dan tahap signifikan  $p > 0.05$ . perbezaan ini boleh dilihat pada Jadual 4.

**Jadual 4: Perbezaan Penglibatan Politik Berdasarkan Kaum (n = 500)**

Pemboleh ubah	n (500)	Purata penglibatan	F	P
Melayu	300	3.12	0.492	0.612
Cina	150	3.16		
India	50	3.38		

**PERBINCANGAN**

Kajian ini bertujuan untuk melihat persepsi belia terhadap parti-parti politik dan tahap penglibatan politik belia di Selangor. Hasil kajian mendapati bahawa persepsi belia terhadap parti politik Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat berada pada tahap yang sederhana iaitu dalam lingkungan 62 % dan 70.2%. Ini menunjukkan tahap keyakinan belia terhadap parti-parti politik belum berada pada tahap yang tinggi dan boleh berubah mengikut masa dan keadaan. Dari segi tahap penglibatan politik belia pula mendapati berada pada tahap rendah iaitu 65%. Daripada 10 item penglibatan politik belia yang menunjukkan paling tinggi adalah responden akan mengundi pada pilihan raya akan

datang iaitu sebanyak 391 orang (78.2%) dan ini telah di buktikan melalui Pilihan Raya Umum (PRU) ke -13 yang menunjukkan bahawa peratusan keluar mengundi meningkat daripada 75 % pada PRU-12 kepada 85.2% pada PRU ke-13.

Melihat kepada tahap penglibatan politik bagi tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India adalah sama iaitu masih berada pada tahap yang sangat rendah. Usaha yang berterusan perlu dijalankan bagi memupuk minat penglibatan politik dalam kalangan belia. sebagai contoh, Kursus sejarah dan pendidikan moral yang diajar dari sekolah dilihat sebagai satu usaha yang baik bagi membolehkan belia memahami dan menghormati hak antara satu sama lain seperti yang termaktub dalam perlembagaan Malaysia. Begitu juga dalam penghayatan rukun negara dapat memupuk semangat patriotisme dalam diri masing- masing, sekali gus dapat melahirkan sikap tanggungjawab dalam menentukan pentadbiran negara pada masa akan datang. Walaupun usaha-usaha ini giat dijalankan tetapi masih belum berjaya diterapkan dalam diri individu dan hasilnya tahap penglibatan dalam politik terutamanya golongan belia berada pada tahap yang sangat rendah.

## **RINGKASAN**

Hubungan autoriti terutamanya dalam mewujudkan suasana yang harmoni antara rakyat dan kerajaan serta antara parti dengan ahli akan mengurangkan tekanan seterusnya membawa kepada kejayaan dalam sesuatu pentadbiran tersebut, (Ecktein, 1966). Walau bagaimanapun kejayaan sesebuah pentadbiran perlu di dokong oleh sokongan daripada rakyat, oleh yang demikian persepsi sederhana terhadap parti-parti politik perlu ditingkatkan dan usaha untuk meningkatkan tahap penglibatan politik belia perlu terus dipergiatkan.

Daripada analisis kajian yang dijalankan, di dapati persepsi belia terhadap pengaruh kepimpinan Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat berada pada tahap sederhana. Manakala penglibatan politik berdasarkan kaum menunjukkan tiada perbezaan signifikan antara kaum Melayu, Cina dan India.

Kajian ini juga mengenal pasti tahap penglibatan politik golongan belia di Selangor. Majoriti (65.2%) responden mempunyai tahap penglibatan politik yang rendah. Manakala (23%) responden pada tahap sederhana dan sedikit sahaja (12.2%) responden yang bergiat aktif dalam penglibatan politik.

Daripada pemerhatian Pilihan Raya ke-13 (PRU-13), dapatan kajian menunjukkan responden yang keluar mengundi pada pilihan raya akan datang adalah paling tinggi, ini terbukti pada pilihan raya umum (PRU) ke- 13 yang telah mencatatkan sejarah peratusan keluar mengundi tertinggi sepanjang pilihan raya di Malaysia iaitu seramai 11,257,147 juta pemilih (84.84%) (Suruhanjaya Pilihan Raya, 2013). Keadaan positif ini didorong oleh mengundi muda yang rata-ratanya mengundi buat kali pertama.

Melihat kepada penambahan golongan belia keluar mengundi pada pilihan raya ke-13 sebenarnya tidak menunjukkan peningkatan minat golongan ini untuk melibatkan diri dalam politik secara keseluruhannya, ini kerana dapat dilihat keterlibatan belia kepada aktiviti-aktiviti berunsurkan politik seperti menyertai perhimpunan politik, menghadiri jamuan makan malam anjuran parti politik, menghadiri ceramah-ceramah politik, mendaftar sebagai ahli parti politik, menjadi ahli jawatankuasa sesuatu majlis anjuran parti politik, menjalankan kerja-kerja menggantung bendera dan menyertai mesyuarat parti politik masih rendah iaitu di bawah 50% seperti yang diperoleh daripada analisis data kajian ini.

Secara keseluruhan tahap penglibatan politik belia masih berada pada tahap yang membimbangkan, tahap penglibatan yang rendah ini didorong oleh sikap belia sendiri yang tidak mahu melibatkan diri dalam politik. Golongan ini lebih memfokuskan kepada pendidikan dan juga membina kerjaya masing-masing, ini bertepatan dengan kajian yang telah dilakukan oleh Ahmad Atory, 60 peratus daripada 3.7 juta orang rakyat tidak meminati politik terutama belia kerana di sebabkan golongan ini sibuk belajar dan masih mencari pekerjaan.

## RUJUKAN

- Abdul, R., M., S., Abdul, G., A., K., Abdullah, K., Ilias, M., S., & Lina, C., W. 2005. Kajian Impak Kempen Iklan Politik Melalui Media Terhadap Keputusan Pengundi Dalam Pemilihan Presiden Republik Indonesia 2004. Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan (IRDC), UITM Shah Alam.
- Agenda and Conditionalities on Cultural Sustainability In Zimbabwe. *Journal of Sustainable Development in Africa* (Volume 14, No.4, 2012) ISSN: 1520-5509
- Ahmad, A., H. & Malike, B. 2004. Politik Pentadbiran di Malaysia : Penilaian Pegawai Awam Terhadap Dasar Politik dan Kepimpinan Nasional.
- Ahmad, A., H. & Malike, B. 2004. Politik Pentadbiran Di Malaysia : Penilaian Pegawai Awam Terhadap Dasar Politik Dan Kepimpinan Nasional.
- Anon. 2009. Hubungan Politik Dengan pendidikan. Dimuat Turun Daripada <http://www.scribd.com/doc/57267505/Hubungan-Politik-Dan-Pendidikan> pada 7 April 2012.
- Anuar, A. 2009. Persatuan Belia Perlu Sokongan, Memacu Aktivisme Belia Islam, Persatuan Belia Islam Malaysia, (PEMBINA).
- Azman Abas. 2011. BN Youth Music 2011 Tonjol Bakat Anak Muda Secara Demokrasi.

- Converse, D. 1987. *Political Culture*. The Macmillan Press Ltd, London & Basingstoke. KK. 320-3510 4101.
- Daniele, S. 2010. *Public Reason and Model of Judgement. From Political Theory to Political Theology*. ISBN: HB: 978-1-4411-1720-5.
- Gen-S. 2009. *Konvensyen Belia : Penglibatan Golongan Muda Dalam Politik Baru*.
- H. H., Eckstein. 1966. *Division and Cohesion in Democracy*. Budaya Politik. (m/s 9).
- Ibrahim, S. 2008. *Kajian Sikap Golongan Berpotensi Terhadap pendaftaran Sebagai Pemilih Dan Penyertaan dalam Proses Pilihan Raya Di Malaysia*.
- Ida, B., M. 2012. *Multilingual Demographic Dictionary*.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. 2011. *Faktor Penglibatan Belia dalam Politik*. Boleh dimuat turun di [http://ippbm.gov.my/v3/dokumen/faktabelia/09.Penglibatan\\_politik.pdf](http://ippbm.gov.my/v3/dokumen/faktabelia/09.Penglibatan_politik.pdf).
- Jabatan Penerangan Malaysia. 2012. Dimuat turun <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/penafian/4.html> pada 1 Mac 2012.
- Jack, D. 1971. *Support for National and Government Among English School Children*. *British Journal of Science*.
- Jack, M., Mcleod, Dietram, A., Scheufele & Patricia, M. 1999. *Community, Communication, and Participation: The Role of Mass Media and Interpersonal Discussion in Local Political Participation*. *Political Communication* Volume 16, Issue 3.
- James, A., F., Stoner, Rojer, R. Collins, Philip., W., Y. 1985. *Management In Australia*. Description, Sydney : Prentice-Hall Of Austarlia, vii, 824 p. ISBN : 0724807543.
- James, C., A. & David, W., G. 1988. *Structural Equation Modeling in Practice: A Review*
- Laporan Kiraan Permulaan, Banci Penduduk Dan Perumahan Malaysia. 2010. *Laman Sesawang Rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia*. Sumber Statistik Rasmi Malaysia.
- Maja, T. Nicholas, W., J. 2010. *Social Media and Politics: Theoretical and Methodological Considerations in Designing a Study of Political Engagement*. *Social Science Research Network*.

- Mohamad, M., Y. 2011, Memperkasa Budaya Politik di Kalangan Belia. *Artikel Belia*. Pusat Pengajian Komunikasi USM, Pulau Pinang. Boleh dimuat turun di [www.beliapandan.my](http://www.beliapandan.my).
- Mohammad, N., O. & Shawal, K. 2008. Kredibiliti Parti-parti Politik: Adakah Punca Kemerosotan Barisan Nasional Dan Peningkatan Parti Pembangkang Dalam PRU12 Di Malaysia. *Prosiding Seminar Politik Malaysia*. Pusat Penerbit Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara, Shah Alam.
- Mohammad, N., O., & Shawal, K. 2008. Kredibiliti Parti-Parti Politik: Adakah Punca Kemerosotan Barisan Nasional dan Peningkatan Parti Pembangkang Dalam PRU12 di Malaysia. *Seminar Politik Malaysia*. Pusat Penerbit Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara, Shah Alam.
- Mohammed, F., O. Muhammad, F., O. Zaheruddin, O. & Jamaludin, M. 1999. Penyertaan Politik Masyarakat Dalam Pilihan raya Umum Ke Sepuluh 1999 Di Negeri Johor. *Jurnal Kemanusiaan*.
- Mohd, F., M., J., Yahaya, I., Noor, A., M., A., Abdul, H., S., & Khaidzir, I. 2009. Minat, Aspirasi dan Sokongan Politik Belia IPT Malaysia. *Jurnal Malaysian Journal of Youth Studies Jun 2009: Volume 1*. Muka Surat 1-33.
- Mohd, F., M., J., Junaidi, A., B., Abdul, H., S., Noor, A., H., M. 2011. Persepsi Politik Belia Di Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bagan Pinang, Negeri Sembilan. *Special issue: Social and Spatial Challenges of Malaysian Development* (105-115), ISSN2180-2491.
- Pas Selangor. 2012. Kerajaan Selangor Sedia Program Latihan Untuk Belia. Dimuat turun daripada [Selangor.pas.org.my](http://Selangor.pas.org.my) pada 6 Mac 2012.
- Phillip, M. 2012. The Dearth of Culture in Sustainable Development: The Impact of Ngos'
- Richard, M., P. 1993. Third-Person Effect Research 1983-1992: A Review and Syntesis. *International Journal of Public Opinion Research*.
- Ripin On Sunday. 2011. Dimuat turun daripada [dunpayong.blogspot.com](http://dunpayong.blogspot.com) pada 27 Februari 2011.
- Robbins, S., P. & Coulter, M. 1984. *Management Concept and Prective*. Printice Hall Inc.
- Samsudin, A., R. (t.thn). Media, Demokrasi dan Generasi Muda: Analisis Keputusan Pilihan Raya Umum ke-12. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*. Jilid 26(2): 1-15.

Statistik Belia. 2006. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM).

Statistik keluar mengundi PRU ke-13. 2013. Di muat turun daripada [www.spr.gov.my](http://www.spr.gov.my) pada 1 Jun 2013.

Syed, A., I. 1994. Penentuan Agenda: Peranan Media Massa dalam Pilihan Raya Umum. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Turner, D., F. 1972. Quality Surveying: Practice and Administration. Third Edition, Longman Group UK Limited, London.

Yeo Wee Teck. (t.thn). Probability Proportional to Size (PPS) Cluster Sampling: Application in the Military Setting, boleh dimuat turun di <http://www.internationalmta.org/Documents/2005/2005134P.pdf>.

**Profil Penulis:**

*Abdul Hadi Samsi*  
*Pelajar Master Sains Politik dan Kerajaan*  
*Fakulti Ekologi Manusia*  
*Universiti Putra Malaysia*

*Amaludin Ab. Rahman, PhD*  
*Pensyarah Kanan*  
*Jabatan Kenegaraan dan Ketamadunan*  
*Fakulti Ekologi Manusia*  
*Universiti Putra Malaysia*

*Ku Hasnita Ku Samsu, PhD*  
*Pensyarah Kanan*  
*Jabatan Kenegaraan dan Ketamadunan*  
*Fakulti Ekologi Manusia*  
*Universiti Putra Malaysia*